

BAB EMPAT
KAWALAN PERUNDANGAN BAGI KES-KES PENCEMARAN AIR
DARATAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR:
ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menganalisis kawalan perundangan terhadap pencemaran air daratan berdasarkan-kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah sesyen sekitar Negeri Selangor di antara tahun 2008 sehingga 2009. Analisis komparatif antara AKAS 1974 dan undang-undang air Islam diharmonisasikan. Kawalan pencemaran air diklasifikasikan kepada dua iaitu kawalan pencemaran ke atas premis yang bukan ditetapkan¹ dan premis yang ditetapkan.² Jika dikategorikan mengikut sumber pencemaran air, ianya dikategorikan kepada punca pencemaran tetap (*point sources*) dan punca tidak tetap (*non-point sources*). Punca tetap termasuklah sistem rawatan kumbahan (yang dipertanggungjawabkan kepada *Indah Water Konsortium (IWK)*), pembuatan barang dari kilang, industri asas tani dan ladang ternakan. Manakala punca tidak tetap pula adalah seperti pertanian dan air larian permukaan (*surface runoff*). JAS hanya bertanggungjawab bagi pencemaran air dari punca tetap.³

Di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974⁴, terdapat peruntukan khas berkaitan sekatan mengenai pencemaran⁵ perairan daratan⁶(termasuk sungai).⁷ Asas

¹ Melibatkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian)1979.

² Premis yang ditetapkan seperti yang ditakrifkan mengikut keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bermaksud sesuatu premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, akta yang sama. Premis yang ditetapkan hendaklah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Premis-premis ini merangkumi kilang kelapa sawit (minyak kelapa sawit mentah), kilang getah asli mentah dan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

³ JAS Negeri Selangor, Laporan Tahunan JAS Negeri Selangor 2008. h. 68.

⁴ Tujuan Akta ini, menurut mukaddimahnyanya, adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

⁵ Seksyen 2 mentafsirkan sesuatu premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 18.

⁶ Seksyen 25, AKAS 1974.

sekatannya menetapkan bahawa tiada seorangpun boleh mengeluarkan, melepas atau meletakkan apa-apa benda termasuklah cecair kimia atau effluen perindustrian yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan⁸ ke dalam mana-mana perairan daratan⁹ seperti longkang awam. Seksyen ini juga memperuntukkan dengan sangat terperinci bahawa seseorang itu hendaklah disifatkan sebagai mengeluarkan, melepas atau meletakkan buangan-buangan ke dalam perairan daratan jika:

- a) *Ia meletakkan apa-apa buangan di dalam atau di atas mana-mana perairan atau di sesuatu tempat di mana buangan itu boleh masuk ke dalam mana-mana perairan;*
- b) *Ia meletakkan apa-apa buangan dalam sesuatu keadaan di mana buangan itu jatuh, turun, mengalir, sejat, dihanyutkan, ditiup, atau meresap atau mungkin jatuh, turun, mengalir, sejat atau dihanyutkan, ditiup atau meresap ke dalam mana-mana perairan, atau dengan diketahuinya atau oleh sebab kecuaiannya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyebabkan atau membenarkan apa-apa buangan diletakkan dalam sesuatu keadaan seperti itu; atau*
- c) *Ia menyebabkan suhu perairan yang menerimanya itu naik atau turun sebanyak lebih daripada had yang ditetapkan.*

Namun, berdasarkan seksyen 25 AKAS 1974 ini, pendekatan yang digunakan adalah berbentuk kawalan dan bukannya sekatan secara total. Apa yang dimaksudkan adalah peruntukan ini sebenarnya membenarkan pelepasan effluen ke perairan daratan selagi mana tidak melepasi parameter yang ditetapkan di dalam Peraturan 8 (1) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979. Jika premis-premis - melalui kajiannya - mendapati akan

⁷ Misalnya dalam kes *Malaysian Vermicelli Manufactureres (Melaka) Sdn. Bhd. V. PP*, premis tersebut telah melepaskan effluent ke perairan daratan iaitu sungai Melaka.

⁸ Seksyen 2 AKAS mentafsirkan 'buangan' termasuklah *apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual, atau apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, dikeluarkan atau ditetapkan dalam alam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran.*

⁹ Seksyen 2 juga mentafsirkan 'perairan daratan' termasuklah *apa-apa takungan, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, atau mana-mana bahagian laut di atas tikas air rendah di sepanjang pantai, atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau subpermukaan air.*

melepaskan effluen melebihi parameter yang ditetapkan, maka lesen bolehlah dimohon kepada Ketua Pengarah JAS.

Ini bermakna, masih ada kelonggaran diberikan untuk melepaskan effluen melebihi parameter. Lesen pelanggaran berkenaan akan menetapkan standard baru bagi premis berkenaan sepertimana yang diminta dan diluluskan oleh JAS. Jika masih berlaku pelanggaran, kesalahan tersebut merupakan suatu kesalahan melanggar syarat lesen. Pendekatan kawalan ini dianggap wajar kerana tiada teknologi yang boleh mencapai pelepasan effluen industri sifar. Pendekatan ini dianggap praktikal kerana jika sekatan dilakukan secara total, maka ianya boleh membantutkan perindustrian yang penting untuk kemajuan negara¹⁰ terutamanya negara-negara membangun seperti Malaysia. Malah, semua negara membangun mempunyai masalah yang sama kerana proses industrialisasi.

Penulis akan menganalisis 13 kes yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen 25 AKAS 1974. Kesemua kes ini dibicarakan di Mahkamah Sesyen sekitar Negeri Selangor yang mana kesemuanya diputuskan dalam tahun 2008 dan 2009 yang merupakan kes terkini yang dilaporkan oleh JAS Negeri Selangor.

Jadual 3

Pembahagian Kes Mengikut Mahkamah

Bil.	Mahkamah	Bil. Kes
1.	Mahkamah Sesyen Shah Alam	6 kes
2.	Mahkamah Sesyen Klang	3 kes
3.	Mahkamah Sesyen Petaling Jaya	2 kes
4.	Mahkamah Sesyen Ampang	2 kes

¹⁰ Rosli Zul, Ketua Pendakwa, JAS Negeri Selangor. Temubual pada 17 November 2009. Jam 10.30 a.m.

Kesemua kes ini disabitkan kesalahan kerana melepaskan effluen industri melebihi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan 8(1)(b), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979 sama ada standard A atau standard B.

Jadual 4

Pecahan Kes Mengikut Standard Yang Dilanggar

Bil.	Kategori Standard Yang Dilanggar	Jumlah Kes
1.	Standard A	4 kes
2.	Standard B	9 kes

Perbezaan standard ini disebabkan sungai dalam standard A merupakan sungai yang digunakan untuk pengambilan air minuman dan standardnya lebih tinggi manakala standard B adalah untuk tujuan selainnya. Sesuatu premis boleh diketahui sama ada melepaskan effluen dalam standard A atau B melalui pelan premis tersebut.

4.1 PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

Dua perkara utama dari segi pelaksanaan undang-undang kawalan pencemaran air daratan dibahagi kepada dua iaitu penguatkuasaan dan pendakwaan yang dipertanggungjawabkan kepada JAS Negeri Selangor. Analisis dilakukan berdasarkan kes-kes yang dinyatakan sebelum ini.

4.1.1 PENGUATKUASAAN

Bagi menguatkuasakan undang-undang, Islam telah memperkenalkan institusi *hisbah* sebagai sistem yang memelihara kepentingan umum dan menguatkuasakan piagam dan undang-undang atau dalam istilah moden dipanggil institusi penguatkuasa. Ia berteraskan kepada nas-nas berikut yang bermaksud :

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang menyeru ke arah kebajikan, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran dan mereka itulah orang-orang yang berjaya”

Surah Ali ‘Imran(3): 104

”Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang Yang fasik”

Surah Ali ‘Imran(3):110

Sabda Rasullulah S.A.W yang bermaksud *“Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya (mencegah dan menghentikannya) dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya. Jika dia masih tidak mampu (maka ubahlah) dengan hatinya (dengan membencinya), yang sedemikian adalah selemah-lemah iman”*

[Riwayat Muslim]

Sepertimana yang dibincangkan dalam bab sebelum ini, konsep asas hisbah adalah melaksanakan *al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*. Justeru, sebelum sebarang tindakan undang-undang dikenakan kepada seseorang, siasatan perlulah dijalankan oleh *muhtasib* (pihak penguatkuasa) bagi mendapatkan bukti bahwa kesalahan itu telah dilakukan.

Kesemua 13 kes ini disiasat terlebih dahulu untuk mendapatkan bahan bukti oleh pegawai penyiasat JASNS sama ada seorang Pegawai Kawalan Alam Sekitar,¹¹ Penolong Pegawai Kawalan Kanan,¹² Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar¹³,

¹¹ PP vs SL Engineering & Iron Works, PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd.

¹² PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd,

¹³ Lihat kes-kes seperti PP vs Esterol Sdn. Bhd, PP vs SL Engineering & Iron Works, PP vs Schmidt + Clements (Asia) Sdn. Bhd, PP vs Dunham Bush Industries Sdn. Bhd, PP vs GP Autobot (M) Sdn. Bhd dan PP vs Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd.

Pegawai Jabatan Alam Sekitar¹⁴ dan Juruteknik Alam Sekitar,¹⁵ Mereka (minimumnya berdua atau kadangkala sekumpulan¹⁶) telah membuat pemeriksaan penguatkuasaan di premis-premis perindustrian yang mana premis-premis ini melepaskan effluen-effluen industri melebihi had piawai yang ditetapkan di bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979.¹⁷

Berdasarkan siasatan penguatkuasaan, tahap pematuhan industri adalah pada tahap sederhana iaitu di bawah paras 45% ketidakpatuhan. Ianya berpunca daripada faktor-faktor berkaitan Sistem Pengolahan Effluen (SPE) seperti ketiadaan SPE yang menyebabkan industri melepaskan effluen mentah tanpa dirawat atau tidak diselenggara dengan sempurna yang mengakibatkan setiap unit proses tidak berfungsi di tahap yang optimum atau beroperasi pada tahap melebihi kapasiti sebenar yang direkabentuk dan tidak mempunyai kakitangan yang berkelayakan dalam mengendalikan SPE di mana sesetengah premis melantik pekerja asing bagi pengendalian SPE.¹⁸ Berdasarkan kes-kes yang dikaji, terdapat tiga jenis kesalahan berkaitan SPE sepertimana dalam Jadual 5 di bawah:

¹⁴ Lihat kes-kes seperti PP vs Palm Oleo Sdn. Bhd, PP vs L&S Cosmetics and Toiletries Sdn. Bhd, PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd.

¹⁵ Lihat kes-kes berikut; PP vs Esterol Sdn. Bhd, PP vs Schmidt + Clements (Asia) Sdn. Bhd, PP vs GP Autobat (M) Sdn. Bhd, PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd dan PP vs Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd.

¹⁶ Lihat kes-kes seperti PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd, PP vs Kobakin (M) Sdn. Bhd, PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd dan PP vs Classic Board Service Centre Sdn. Bhd.

¹⁷ Rujuk Lampiran.

¹⁸ JAS Negeri Selangor, Laporan Tahunan JAS Negeri Selangor 2007.

Jadual 5

Pecahan Kes Mengikut Kesalahan Berkaitan SPE

Bil.	Kesalahan Berkaitan SPE	Jumlah Kes
1.	Tiada Sistem Pengolahan Effluen (SPE)	2 kes
2.	Pelepasan dari SPE melanggar piawai	8 kes
3.	Effluen tidak dirawat walaupun ada SPE	3 kes

Industri berasaskan penyaduran logam & elektrik menunjukkan ketidakpatuhan tertinggi iaitu 43.59% diikuti industri makanan dan minuman (25.28%), kertas (16%) dan elektronik (10.27%). Tahap ketidakpatuhan yang paling minimum iaitu di bawah paras 2% hingga 5% adalah daripada industri plastik, fabrikasi/kejuruteraan logam, automotif/bengkel, asas cat dan lain-lain. Bagi industri penyaduran logam & elektrik, kebanyakan, premis gagal mematuhi parameter logam berat, dan minyak dan gris, manakala industri makanan dan minuman gagal mematuhi parameter BOD5, SS dan minyak dan gris.¹⁹ Berdasarkan kes-kes yang dikaji ini, effluen-effluen ini adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti perindustrian antaranya seperti penyaduran,²⁰ mewarna (dying),²¹ penghasilan metal/alat untuk industri elektronik,²² penghasilan/imulsi makanan,²³ pengeluaran *fatty acid* dan *glycerin* daripada minyak kelapa sawit,²⁴ pengilangan berasaskan logam dan penghasilan paip (aloy, nikel dan kromium untuk kegunaan petrokimia),²⁵ pembuatan syampu dan bedak,²⁶ penghasilan bateri kereta,²⁷ penyembelihan dan pemprosesan ayam²⁸ dan pembuatan produk berasaskan plastik.²⁹

¹⁹ Jabatan Alam Sekitar Selangor, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Selangor 2007, h. 37.

²⁰ PP vs Classic Board Service Centre Sdn. Bhd dan PP vs SL Engineering & Iron Works

²¹ PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd.

²² PP vs Kobakin (M) Sdn. Bhd dan PP vs Dunham Bush Industries Sdn. Bhd.

²³ PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd dan PP vs Esterol Sdn. Bhd.

²⁴ PP vs Palm Oleo Sdn. Bhd.

²⁵ PP vs Schmidt + Clements (Asia) Sdn. Bhd.

Pegawai penguatkuasa akan membuat tinjauan di premis yang disyaki melakukan kesalahan melepaskan effluen industri untuk mengumpulkan bahan bukti yang mencukupi bagi mensabitkan kesalahan. Tinjauan dibuat berdasarkan aduan ataupun melalui strategi penguatkuasaan sendiri. Tinjauan dilakukan sekitar seawal jam 10.20 pagi dan selewat 6.45 petang. Pelbagai strategi diambil sama ada terus ke premis atau membuat tinjauan dari luar pagar kilang sehinggalah ke tebing sungai yang dicemari. Di dalam kes *Malaysian Vermicelli Manufacturers (Melaka) Sdn. Bhd. Vs. PP*,³⁰ pegawai penguatkuasa telah membuat tinjauan di luar pagar premis sebelum memasuki syarikat defendan sehinggalah ke tebing sungai Melaka yang ditemui muncung paip yang mengeluarkan air berwarna putih ke dalam sungai Melaka. Pegawai Kualiti tersebut mengikuti paip tersebut dan mengenalpasti punca paip itu dari syarikat defendan dan memasuki syarikat defendan setelah memperkenalkan diri di pondok keselamatan untuk berjumpa dengan pengurus kilang. Dalam membuktikan perkara ini, gambar hendaklah diambil mengikut turutan sambungan dari kilang sehinggalah ke tempat pelepasan.³¹

Jadual 6

Jumlah Sampel Yang Diambil Oleh Pihak Penguatkuasa

Bil.	Jumlah Sampel	Bil. Kes
1.	3 sampel	3 kes
2.	4 sampel	8 kes
3.	5 sampel	2 kes

²⁶ PP vs L&S Cosmetics and Toiletries Sdn. Bhd.

²⁷ PP vs GP Autobot (M) Sdn. Bhd

²⁸ PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd

²⁹ PP vs Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd.

³⁰ [2001] 7 CLJ

³¹ Rosli Zul, *op. cit.*

Semasa menjalankan siasatan, pihak JAS akan mengambil sampel effluen sama ada yang telah masuk ke perairan daratan ataupun diambil daripada longkang premis sebelum effluen masuk ke longkang awam. Menurut kesemua kes berikut, sebanyak 3 hingga 5 sampel effluen diambil untuk diuji di Jabatan Kimia dan ditandakan sebagai sampel A, B, C dan D atau menggunakan nombor kod premis. Walaupun sebanyak tiga atau lima sampel diambil untuk dianalisis, tidak semesti kesemuanya perlu melebihi piawai untuk mensabitkan kesalahan, tetapi cukup walau hanya satu daripada 23 parameter yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga³² telah dilanggar dan membolehkan pemilik premis disabitkan di bawah peruntukan tersebut.

Pegawai kualiti perlu juga mendapatkan maklumat sama ada premis tersebut mempunyai lesen pelanggaran dan menyediakan sistem pengolahan effluen. Kewujudan dan ketiadaan perkara-perkara ini dapat membantu pihak pendakwaan dalam meyakinkan hakim untuk memberatkan lagi hukuman. Dalam kes *Malaysian Vermicelli Manufacturers (Melaka) Sdn. Bhd. Vs. PP*,³³ Hakim Mohd Ghazali berpendapat, pihak penentang tidak dengan sengaja tidak mengendahkan arahan JAS untuk menyediakan sistem pengolahan effluen atau dalam erti kata lain, lakukan kesilapan sehingga tindakan undang-undang diambil barulah permohonan untuk lesen dibuat. Yang Arif Hakim telah menukar hukuman hakim perbicaraan daripada denda RM5000 kepada denda RM90 000.

³² Lihat lampiran.

³³ [2001] 7 CLJ.

4.1.2 PENDAKWAAN

Kesalahan pencemaran pengairan daratan adalah yang tertinggi yang diambil tindakan mahkamah berbanding dengan kesalahan-kesalahan yang lain iaitu sebanyak 77 kes diikuti 43 kes bagi kesalahan pencemaran udara dan sebanyak 24 kes bagi kesalahan berkaitan pengurusan buangan terjadual.³⁴ Hal ini kerana, peruntukan berkaitan sekatan pencemaran air daratan telah lama diperuntukkan di dalam AKAS 1974 dan kesalahannya mudah dibuktikan serta para pegawai telah terlatih malah tertuduh lazimnya mengaku bersalah.³⁵ Sepanjang tahun 2007, sebanyak 169 kes bagi pelbagai kesalahan jenayah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bilangan kes yang didaftar mengikut kesalahan bagi tahun 2007 telah didaftarkan di empat buah Mahkamah Sesyen di Negeri Selangor (Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, Klang, Shah Alam dan Ampang). Sebanyak 130 kes mahkamah telah selesai sepanjang tahun 2007 dengan kutipan denda sebanyak RM 2,797,500. Pecahan kutipan berdasarkan kes-kes yang telah selesai mengikut pertuduhan mendapati kutipan tertinggi adalah dari kesalahan mencemar pengairan daratan yang berjumlah sebanyak RM 2,172,000.³⁶

Bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Selangor sentiasa memastikan pegawai-pegawai penyiasatnya mengumpulkan fakta yang mencukupi bagi memanjangkan kes ke peringkat pendakwaan. Bahan-bahan bukti amat diperlukan bagi memastikan kes mencapai tahap *prima facie* dan memudahkan proses pendakwaan dan perbicaraan di mahkamah. Sepertimana sabda baginda³⁷:

عن ابن عباس - رضي الله عنهما - أن سول الله صلى الله عليه وسلم قال:

³⁴ JAS, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Selangor 2007. h. 60.

³⁵ Rosli Zul, Ketua Pendakwa, JAS Negeri Selangor. Temubual pada 17 November 2009.

³⁶ JAS, *op. cit.* h. 61.

³⁷ حديث حسن رواه البيهقي (252/10) قال ابن حجر في البلوغ (ح1408) بإسناد صحيح, وقال في الفتح (283/5) وهذه الزيادة ليست في الصحيحين وإسنادها حسن, وغيره هكذا, وبعضه في الصحيحين البخاري (ح4552), ومسلم (ح11711/)

البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Maksudnya: *Keterangan ke atas sesiapa yang mendakwa dan sumpah ke atas yang ingkar.*

Perkara pertama dan yang paling penting adalah wujudnya pelanggaran standard di bawah peraturan 8, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979 iaitu had-had parameter bagi effluen sama ada piawai A atau piawai B. Bahan bukti yang dimaksudkan adalah sampel effluen yang diambil di premis-premis terbabit. Sampel kemudian dianalisis oleh Ahli Kimia Kerajaan sahaja di Jabatan Kimia untuk mengetahui amaun parameter sama ada menepati atau melebihi had. Jika melebihi kepekatan yang dibenarkan, premis telah memenuhi satu faktor yang membolehkannya didakwa di Mahkamah di bawah seksyen 25 AKAS 1974.

Jadual 7

Hasil Analisis Terhadap Kandungan Effluen yang Melanggar Piawai

Bil	Kes	Kandungan Effluen (mg/l)		Had Piawai (mg/l)
1.	PP vs Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd.	COD	820	100
		BOD5	270	50
2.	PP vs GP Autobat (M) Sdn. Bhd.	Plumbum	3.6	0.5
3.	PP vs Schmidt + Clements (Asia) Sdn. Bhd.	COD	4200	100
		BOD5	3800	50
4.	PP vs Palm Oleo Sdn. Bhd.	COD	740	100
		BOD5	260	50
5.	PP vs SL Engineering & Iron Works	Tembaga	4.8	1.0
		Nikel	100	1.0
		Besi	7.7	5.0
		Boron	13	4.0
		Kromium Heksavalensi	37	0.05
6.	PP vs Esterol Sdn. Bhd.	COD	14200	100
		BOD5	7300	50

		SS	290	100
7.	PP vs Kobakin (M) Sdn. Bhd.	COD	220	100
		BOD	110	50
		Besi	7.7	5.0
8.	PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd.	COD	160	50
		Mangganam	0.32	50
		Besi	14	1.0
9.	PP vs Dunham Bush Industries Sdn. Bhd.	COD	250	50
		BOD	40	20
10.	PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd.	COD	1000	100
		BOD5	460	50
		SS	370	100
11.	PP vs Classic Board Service Centre Sdn. Bhd.	COD	1100	100
		SS	1500	100
		Besi	98	5.0
		Plumbum	3.4	0.5
		Mangganam	1.8	1.0
12.	PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd.	COD	1100	100
		SS	1500	100
		Besi	98	5.0
		Plumbum	3.4	0.5
13.	PP vs L&S Cosmetics and Toiletries Sdn. Bhd.	COD	5000	50
		BOD	2500	20

Keduanya, perlu dipastikan bahawa premis tersebut tertakluk kepada peruntukan seksyen tersebut. Seksyen 25 AKAS 1974 perlu dibaca bersama dengan peraturan 3, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979. Peraturan ini menyatakan bahawa peraturan ini tidak terpakai bagi melepaskan effluen industri ke dalam mana-mana pengairan daratan daripada empat punca-punca pencemaran. Pertama, pemprosesan buah kelapa sawit. Keduanya getah asli. Ketiganya aktiviti perlombongan. Keempat, aktiviti pemprosesan pengilangan, pembasuhan atau pembersihan mana-mana keluaran atau barang-barang yang mana: Pertama, mengeluarkan effluen yang kurang daripada 60 meter padu 913 000 gelen imperial) sehari. Kedua, jumlah muatan keperluan BOD bagi effluen yang ditetapkan pada 20 darjah centigrade selama 5 hari atau pepejal-pepejal ampaiian tidak

boleh melebihi 6 kilogram sehari (kepekatan 100 miligram per liter) atau kedua-duanya. Ketiga, mana-mana pembangunan perumahan atau perdagangan atau kedua-duanya yang kurang daripada 30 unit. Namun, terdapat satu peruntukan yang sering diberi perhatian oleh penguatkuasa JASNS sebagai satu strategi bijak. Peruntukan keempat menyebut:

Effluen tidak mengandungi bendasing-bendasing yang disenaraikan sebagai parameter-parameter (vi) hingga (xvi) di dalam ruangan pertama Jadual Ketiga.

Parameter-parameter yang dimaksudkan di atas kesemuanya dikategorikan sebagai parameter *heavy metal* (logam berat) yang sangat bahaya kepada kesihatan. Oleh kerana peruntukan ini menggunakan perkataan 'atau' maka, apabila memenuhi perkara ini sahaja sekaligus mengenyahkan peruntukan lain. Sebagai suatu strategi, pihak penguatkuasa memastikan sama ada premis tertakluk kepada peruntukan seksyen 25 dan seterusnya melihat sama ada effluen tersebut mengandungi *heavy metal* atau tidak. Peruntukan ini menggunakan ayat 'mengandungi' yang bermakna tidak perlu mengetahui tahap kepekatan *heavy metal* ini tetapi cukup sekadar kewujudannya sahaja. Merujuk kepada Jadual 5, tulisan '**bold**' merupakan logam berat.

Perkara ketiga dan terakhir yang penting adalah bagi membuktikan bahawa premis tersebut benar-benar melepaskan effluen ke mana-mana perairan daratan. Pembuktian melalui dokumentasi. Gambar-gambar yang diambil oleh pegawai kualiti semasa membuat tinjauan sangat penting bagi membuktikan pelepasan itu berpunca dari kilang tersebut. Gambar yang diambil perlu mengikut urutan dari punca sehingga tempat dilepaskan iaitu di perairan daratan awam . Dokumen lain seperti pelan lakar

premis juga boleh dijadikan rujukan dan dari situ jugalah pihak JAS dapat mengenalpasti sama ada premis berkenaan tertakluk kepada standard A atau B³⁸.

Namun, terdapat pelbagai kelemahan penguatkuasaan dan pendakwaan JAS yang perlu diperbaiki supaya pelaksanaan kawalan pencemaran air dapat dijalankan dengan lancar dan dapat menyelamatkan alam sekitar sekaligus member kesedaran kepada pihak-pihak yang melakukan kesalahan. Kita pastinya tidak mahu kelakuan jenayah alam sekitar ini tidak dapat dikawal dek kerana kelemahan bahagian penguatkuasaan dan pendakwaan apatah lagi jika kelemahan itu hanya bersifat teknikal.

Berdasarkan temubual dengan Ketua Pendakwa JAS Negeri Selangor, Encik Rosli Zul, beliau meluahkan bahawa pegawai pendakwa JAS bukan dari latarbelakang pendidikan undang-undang. Justeru, mereka mengalami banyak kelemahan terutamanya dari aspek prosedur perbicaraan. Mereka juga kekurangan pengetahuan undang-undang lain seperti Kanun Acara Jenayah. Mereka pula perlu berhadapan dengan peguam-peguam berpengalaman. Ketua Pendakwa JAS Selangor dari bidang kejuruteraan kimia. JAS mempunyai penasihat undang-undang di cawangan putrajaya tetapi hanya seorang yang akan 'turun padang' dalam kes-kes berat sahaja. Namun, pendakwa JAS diberi kursus dan latihan dari Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).

Pihak JAS juga terpaksa berhadapan dengan kerenah birokrasi dan prosedur mahkamah. Apa yang dipelajari di ILKAP tidak sama dengan realiti perbicaraan. Keadaan ini memerlukan kepakaran yang tinggi dan latihan yang berterusan.

³⁸ Rosli Zul, *op. cit.*

Kelemahan bahasa Inggeris turut menjadi isu. Walaupun bahasa Melayu diutamakan di mahkamah tetapi jika saksi hanya boleh berbahasa Inggeris, bahasa Inggeris akan digunakan bagi meneruskan perbicaraan. Walaupun terdapat jurubahasa. Tetapi apa yang diterjemah selalunya tidak sama dengan apa yang dimaksudkan. Pihak pendakwa juga takut tersalah tanya atau tersalah faham atau tersilap interpretasi fakta menyebabkan kelemahan pendakwaan terzahir. Keadaan ini mengehend pihak pendakwa untuk membuat pemeriksaan balas.

Dari aspek penguatkuasaan pula, selalu juga berlaku ketidakcukupan bahan bukti. Kekurangan kepakaran menjadikan masalah ini sering berlaku. Sering juga berlaku pencanggahan keterangan antara pegawai kualiti yang menzahirkan lagi kelemahan pendakwaan.³⁹

4.2 STANDARD KUALITI AIR

Kualiti air berkait rapat dengan pencemaran air. Air yang tercemar menjejaskan kualiti air. Sebelum mengulas lanjut tentang kawalan pencemaran air oleh JAS menerusi seksyen 25 AKAS 1974. Perlu dijelaskan bahawa JAS juga berperanan mengawal kualiti air sungai. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JASNS) memiliki 82⁴⁰ stesen bagi menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air daratan pada tiga lembangan sungai utama Negeri Selangor iaitu 14 stesen di Lembangan Sungai Selangor (tidak termasuk sub-lembangan Sungai Bernam yang terdapat 13 stesen dan Tengi sebanyak 3 stesen). Di Lembangan Sungai Langat terdapat 29 stesen dan merupakan yang terbanyak tidak termasuk sub-lembangan Sungai Sepang yang mempunyai 4 stesen. Lembangan Sungai Klang memiliki 14 stesen dan sub-lembangannya iaitu Lembangan Sungai Buloh terdapat 5 stesen.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Dua daripada stesen ini merupakan stesen pengawasan online iaitu di Sungai Selangor dan Sungai Langat.

Parameter-parameter yang dipantau meliputi Keperluan Oksigen Biokimia (BOD₅), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammonikal Nitrogen (NH₃N), pH, Oksigen Terlarut (DO), dan Pepejal Terampai (SS). Kualiti air daratan pula dikelaskan kepada lima kelas iaitu kelas I,II,III,IV dan V yang mana pengkelasan ini berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA).⁴¹

Terdapat empat sungai yang dikategorikan sebagai sederhana tercemar (kelas II atau III) iaitu sub-lembangan Sungai Langat, Sungai Sepang, Sungai Klang dan Sungai Buloh yang rata-rata bahan pencemar utamanya dikesan adalah parameter SS dan COD.⁴² Daripada sistem ini juga akan membantu mengesan punca pencemaran bagi memudahkan penguatkuasaan.⁴³

Di dalam perundangan Islam, standard kualiti air boleh dikaitkan dengan standard *taharah* manakala pencemaran air juga boleh dihubungkan dengan konsep *najasah* dalam perbincangan fiqh. Standard *taharah* dan *najasah* ini walaupun telah lama dibincangkan dalam fiqh didapati masih relevan sehingga kini walaupun diakui bahawa Indeks Kualiti Air (IKA) jauh lebih komprehensif dan terperinci.

Di dalam perbincangan bab *najasah* misalnya, najis yang mencemar air hanya tertumpu kepada tahi, air kencing, nanah dan darah. Kewujudan najis dalam air sehingga berubah salah satu sifatnya boleh dianggap tercemar. Hal ini kerana pada ketika itu pencemaran tidak sebegitu kompleks seperti hari ini. Implikasi Revolusi Industri menyebabkan pelbagai bahan buangan kimia seperti toksik dan logam berat dilepaskan ke perairan seperti sungai. Proses industrialisasi yang masih rancak sehingga kini memerlukan kajian saintifik dilakukan secara teliti bagi mengawal kualiti air. Keadaan ini menyebabkan standard kualiti air semakin terperinci. Namun, dari

⁴¹ Rujuk lampiran. Standard Kualiti Air Negara Malaysia.

⁴² Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Selangor 2007, hh-8-13.

⁴³ Hashim Daud, Pengarah Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Temubual pada 7 Oktober 2009.

sudut nilai dan prinsip yang ditekankan dalam perundangan Islam masih diterimapakai dan relevan sehingga ke hari ini.

Jadual 8

Indeks Kualiti Air – Jabatan Alam Sekitar

KELAS	PENCIRIAN
Kelas I	Sangat bersih; Tidak perlukan rawatan bagi tujuan bekalan air; Sesuai untuk hidupan akuatik yang sangat sensitif.
Kelas II (A)	Bersih; Perlukan rawatan konvensional bagi tujuan bekalan air; Sesuai untuk hidupan akuatik yang sensitif.
Kelas II (B)	Sederhana bersih; Boleh digunakan untuk aktiviti rutin seperti mandi dan rekreasi (<i>body contact</i>)
Kelas III	Sederhana tercemar; perlukan rawatan lanjutan bagi tujuan bekalan air; Sesuai untuk hidupan akuatik yang tidak sensitif; boleh digunakan untuk minuman ternakan.
Kelas IV	Tercemar; Hanya digunakan untuk pengairan.
Kelas V	Sangat Tercemar; Tidak boleh digunakan.

Sumber: diadaptasi dari Laporan JAS 2008.

Menurut Jadual 8 di atas, dapatlah difahami bahawa kualiti air tertinggi diukur melalui aspek bekalan air. Air yang dibekalkan pula adalah untuk minuman. Ini bermakna, air yang terbersih dalam IKA-JAS ini adalah air yang boleh diminum. Ini disokong oleh Ketua Pengarah Air dan Marin JAS yang mengatakan bahawa air dalam kelas I ialah air yang boleh diminum secara terus dari sungai.⁴⁴ Selain itu, indikatornya juga berdasarkan hidupan akuatik yang sangat sensitif. Justeru, air bagi kelas I tidak perlu kepada rawatan kerana kualitinya tinggi dan tidak menjejaskan kesihatan. Kelas air ini menunjukkan bahawa semakin tercemar air, semakin bahaya ianya diminum. Namun, tidaklah bermakna air kelas II, III dan IV tidak boleh digunakan terus. Air kelas kedua dan ketiga boleh diminum setelah melalui proses rawatan dan kualitinya

⁴⁴ Hashim Daud, *op. cit.*

kembali menjadi Kelas I. Kualiti air berbeza mengikut kegunaan. Bagi tujuan rekreasi, air Kelas II boleh digunakan. Bagi pengairan pula, cukuplah sekadar air kelas IV.

Jadual 9

Standard Kesucian Air dalam Perundangan Islam

KELAS	PENCIRIAN
<i>Mutlaq</i>	<i>Tahir</i> ; suci dan menyucikan
<i>Musyammamas</i>	<i>Tahir</i> ; suci dan menyucikan tapi makruh.
<i>Musta'mal (I)</i>	<i>Tahir</i> ; suci (boleh diminum) tetapi tidak menyucikan kerana telah bercampur dengan bahan yang suci; berubah sifat.
<i>Musta'mal (II)</i>	<i>Tahir</i> ; suci tetapi tidak menyucikan kerana telah digunakan untuk <i>taharah</i> wajib (mandi wajib dan wuduk); Air <i>musta'mal</i> menjadi <i>mutlaq</i> semula apabila airnya melebihi 2 kolah.
<i>Mutanajjis</i>	Tercemar; berubah salah satu sifatnya; Tidak boleh digunakan sehinggalah dikembalikan kesuciannya; Air <i>mutanajjis</i> yang melebihi dua kolah atau airnya mengalir tidaklah najis selagi tidak berubah salah satu sifatnya.

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan ketetapan perundangan Islam terhadap kesucian air mengikut turutan daripada paling suci sehinggalah air yang bernajis. Kualiti air yang tertinggi di dalam Islam iaitu air *mutlaq* diukur sama ada air tersebut boleh digunakan untuk *taharah* wajib (mandi wajib dan wuduk) atau tidak. Ianya kelihatan lebih tinggi nilainya dengan IKA-JAS kerana klasifikasi air dalam perundangan Islam melibatkan ibadat kerana perbincangan ini juga di bawah perbincangan fiqh ibadat. Maka, perbezaan utama antara kedua-dua standard ini adalah dari aspek penggunaan. Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kualiti air adalah bergantung kepada tujuan penggunaannya. Jika air digunakan untuk minum maka kualitinya lebih tinggi berbanding dengan air yang digunakan untuk

tujuan rekreasi. Justeru, di dalam perundangan Islam juga menunjukkan perbezaan kualiti berdasarkan penggunaan. Jika air tersebut mahu digunakan untuk tujuan ibadat maka kualitinya mestilah mencapai tahap mutlaq iaitu suci dan menyucikan tanpa bau rasa dan warna seperti keadaan semulajadinya. Perbezaan yang ketara adalah di dalam perundangan Islam, standard kualiti air yang tertinggi ialah *tahur* yang memiliki dua ciri penting iaitu zat air itu sendiri yang bersifat suci dan kegunaanya yang boleh menyucikan. Namun, standard kualiti air tertinggi di dalam IKA-JAS adalah bersifat *tahir* iaitu zatnya yang suci dan boleh diminum tetapi belum tentu boleh menyucikan. Jika digabungkan kedua-dua standard ini, hasilnya adalah seperti dalam Jadual 10 berikut:

Jadual 10

Perbandingan IKA-JAS dengan Klasifikasi Air dalam Perundangan Islam

KELAS IKA-JAS	Klasifikasi Air dalam Perundangan Islam
I	<i>Mutlaq, musyammas</i> dan <i>musta'mal</i> (I) (bercampur dengan bahan suci atau air melebihi 2 kolah).
II	<i>Musta'mal</i> (I) & (II); yang bercampur dengan bahan suci atau yang telah digunakan untuk <i>taharah</i> wajib dan kurang dua kolah.
III, IV & V	<i>Mutanajjis</i> (air kurang dua kolah/mengalir atau air lebih dua kolah tetapi berubah sifatnya).

Berdasarkan Jadual 10 di atas, didapati bahawa air kelas I merangkumi air *mutlaq, musyammas* dan *musta'mal* yang melebihi 2 kolah kerana asas indikator kelas I adalah air itu boleh diminum secara langsung. Maka, air *mutlaq, musyammas* dan *musta'mal* (melebihi dua kolah) umumnya boleh diminum secara terus berdasarkan sifat *tahur* dan *tahir* yang ada. Namun terdapat pengecualian khusus, air *musyammas*

makruh digunakan kerana memberi implikasi kesihatan. Bagi air *musta'mal* yang melebihi dua kolah adalah bersih digunakan untuk diminum kerana air *musta'mal* tersebut sebenarnya telah kembali menjadi air *mutlaq* kerana sudah melebihi dua kolah. Air *musta'mal* sememangnya suci tetapi tidak menepati standard untuk *taharah* wajib (wuduk dan *ghusl*) kerana walaupun ianya suci tetapi ianya tidak menyucikan disebabkan bercampur dengan bahan suci yang lain atau telah digunakan untuk wuduk atau *ghusl*. Namun air *musta'mal* yang telah digunakan untuk berwuduk boleh digunakan lagi untuk menyucikan selain dari *taharah* wajib. Daripada Jabir bin Abdullah r.a katanya:

Rasulullah s.a.w datang menziarahiku untuk bertanyakan keadaanku. Ketika aku sakit dan tidak sedar. Lalu Baginda berwuduk dan mencurahkan air wuduknya ke atas aku.

Sekiranya air wuduk itu tidak suci nescaya Baginda tidak akan mencurahkannya ke atas Jabir. Bagi air *musta'mal* (I) iaitu yang bercampur dengan bahan suci seperti air the ianya masih dikategorikan sebagai boleh minum. Dapat juga dirumuskan bahawa air dalam kelas I mempunyai pencirian yang lebih teliti menurut perundangan Islam dengan membahagikan lagi kepada 3 kategori iaitu *mutlaq*, *musyammas* dan *musta'mal*. Keadaan ini menunjukkan Islam sangat menekankan aspek kesucian air itu kerana berkait rapat dengan hubungan manusia dengan Tuhannya melalui ibadat.

Air *musta'mal* lebih kondusif diletakkan dalam kelas II. Air *musta'mal* (I) walaupun ada yang bercampur dengan bahan suci dan boleh diminum seperti air the tetapi tidak semuanya begitu. Jika air *musta'mal* bercampur dengan bahan suci seperti air mawar, ianya tidaklah diminum. Maka, rawatan konvensional perlu dilakukan. Justeru, jelaslah bahawa terdapat juga air *musta'mal* (I) yang turut termasuk dalam kelas II. Begitu juga air yang telah digunakan untuk *taharah* wajib seperti mandi junub misalnya juga berada dalam kelas II jika kuantitinya kurang dua kolah.

Air kelas III, IV dan V dikategorikan sebagai air *mutanjjis* yang tidak boleh digunakan untuk tujuan ibadat mahupun untuk diminum. Air kelas III tidak boleh lagi diminum melainkan melalui proses teknologi rawatan air. Air yang telah melalui rawatan yang mengembalikan sifat asalnya iaitu tanpa bau, rasa dan warna boleh digunakan semula untuk minuman dan ibadat kerana statusnya telah kembali *mutlaq* atau kelas I. Air kelas IV hanya digunakan untuk pengairan dan kelas V benar-benar telah tercemar dan berbahaya kepada kesihatan awam.

Dapat dirumuskan juga bahawa air *mutanjjis* mempunyai pencirian yang sangat teliti dalam IKA-JAS dengan membahagikan lagi kepada tiga bahagian kecil iaitu kelas III, IV dan V. Keadaan ini menunjukkan senario pencemaran air yang semakin rumit dan perlu kepada pencirian yang lebih mendalam. Tidak seperti ketika perbincangan *taharah* ini dibukukan dalam sastera fiqh Islam dahulu kala yang mana pencemaran air tidak begitu kompleks. Namun, jika diperhalusi, standard kualiti air dalam perundangan Islam jauh lebih tinggi kerana karektor air terbersih iaitu air *mutlaq* memiliki dua elemen iaitu suci dan menyucikan (*tahur*). Tetapi, air kelas I menurut IKA karektornya cukup sekadar memiliki elemen suci tetapi tidak menyucikan (*tahir*).

Dapat difahami juga bahawa kualiti air dalam perundangan Islam turut dipengaruhi beberapa aspek. Pertama; aspek kuantiti air (air *musta'mal* yang lebih dua kolah boleh menjadi air *mutlaq*). Kedua; aspek kandungan air (jika kandungan air menyebabkan perubahan sifatnya maka ianya tercemar/ bernajis). Ketiga; aspek situasi air (sama ada mengalir, bertakung atau suhunya meningkat (*musyammis*)). Jika sifatnya berubah disebabkan situasi semulajadi maka air tersebut masih *mutlaq*. Dan keempat: aspek penggunaan air (misalnya air yang telah diguna untuk *taharah* wajib dan kuantitinya kurang dua kolah ianya tidak lagi boleh menyucikan walaupun zatnya masih suci).

Bagi aspek parameter kualiti air pula, seperti yang dinyatakan sebelum ini IKA-JAS menetapkan beberapa parameter iaitu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD_5), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammonikal Nitrogen (NH_3N), pH, Oksigen Terlarut (DO), dan Pepejal Terampai (SS). Manakalah parameter kualiti air dalam Islam berteraskan kepada hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Baihaqi:

إن الماء طهورا ينحسه إلا ما غلب على ريحه وطعمه ولونه

Maksudnya: “*Sesungguhnya air itu suci, Air itu tidak dinajisi sesuatu kecuali apabila air itu berubah baunya atau rasanya atau warnanya*”

Jadual 11

Perbandingan Parameter Kualiti Air IKA-JAS dan Perundangan Islam

IKA-JAS	Perundangan Islam
Ammonikal Nitrogen (NH_3N)	Bau
pH	Rasa
Pepejal Terampai (SS)	Warna

Berdasarkan Jadual 11 di atas, terdapat persamaan parameter antara keduanya. Ammonikal Nitrogen (NH_3N) menjadi indikator bagi bau, pH untuk rasa (keasidan dan kealkaliannya) dan kekeruhan (*turbidity*) melalui Pepejal Terampai (Suspended Solids) yang mempengaruhi kejernihan warna air. Persamaan ini hanya wujud dari aspek karektor fizik sahaja kerana parameter yang ditetapkan dalam Islam hanya mencakupi aspek fizik. Hal ini kerana pada ketika dahulu, teknologi tidak secanggih hari ini yang dapat mengesan karektor kimia dan biologi terhadap kualiti air seperti di dalam IKA-JAS. Maka, parameter tersebut hanya berdasarkan karektor-karektor yang mudah dilihat dengan mata kasar sahaja melalui karektor fizik. Namun, parameter ini tetap diterimapakai dalam mengawal kualiti air.

Justeru, bagi kawalan pencemaran menerusi seksyen 25 AKAS 1974, terdapat parameter-parameter yang dipiawaikan dalam peraturan 8 (1), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 bagi mengukur sama ada air sungai/ air daratan tersebut telah tercemar atau tidak. Ianya juga meliputi karektor fizik dan kimia. Namun, penambahan parameter dimasukkan iaitu parameter logam berat seperti raksa, cadmium, kromium heksavalensi, arsenum, sianid, plumbum, kromium, trivalensi, tembaga, manganam, nikel, timah dan selainnya seperti zink, boron, besi, fenol, klorin bebas, sulfid, minyak dan gris. Parameter logam berat ini dimasukkan kerana ianya sangat memberi implikasi kepada kesihatan awam.

Satu lagi parameter adalah suhu yang merupakan parameter pertama dalam peraturan ini. Seperti yang dibincangkan dalam bab dua, penambahan suhu akan menyebabkan molekul air bertambah aktif dan sebarang kimia tambahan akan larut dan lebih mudah bereaksi dengan pepejal di dalam air. Oksigen juga kurang larut di dalam air yang suam/panas berbanding dengan air yang sejuk.⁴⁵ Berkaitan dengan air yang mempunyai suhu yang tinggi, Rasulullah s.a.w pernah menghalang individu mandi dengan *air musyammas*⁴⁶ kerana ditakuti akan dijangkiti penyakit. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas r.a, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

من اغتسل بماء مشمس فأصابه وضح فلا يلومن إلا نفسه

Maksudnya: “Barangsiapa mandi dengan air musyammas lalu terkena penyakit belang (sopak), janganlah menyalahkan kecuali kepada dirinya sendiri”

⁴⁵ Azni Idris et. al., (2003), *Water Pollution Control*. Kuala Lumpur: Malaysian University Consortium for Environment and Development (MUCED).

⁴⁶ Iaitu air yang panas yang terjemur di bawah sinaran matahari/ di tempat yang panas.

Apa yang difahami adalah, implikasi suhu air yang tinggi juga boleh memudaratkan kesihatan awam dan ianya perlu dikawal. Maka, selain bau, rasa dan warna, satu lagi parameter fizik yang dinyatakan di dalam Islam ialah suhu.

4.3 ALASAN PENGHAKIMAN

Dalam kesemua kes yang dikaji, pihak-pihak tertuduh kesemuanya membuat pengakuan salah. Justeru, penulis tidak mengkaji dari aspek perbicaraan. Pengakuan salah tidak seharusnya terlalu diberi pertimbangan oleh mahkamah dengan membenarkan mitigasi yang dikemukakan. Kepentingan awam perlu diberi pertimbangan yang lebih berbanding kepentingan tertuduh. Prinsip ini selaras dengan fiqh keutamaan dalam Islam iaitu *masalah 'ammah* perlu diberi prioriti berbanding *masalah khassah*.

Dalam alasan-alasan penghakiman kes-kes melibatkan pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran air, isu kepentingan awam (public interest) adalah isu dominan. Ianya perlu merujuk kepada tujuan AKAS 1974 ini digubal. Dalam alasan penghakiman kes *PP lwn NCK Aluminium Extrusion Sdn. Bhd*, Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Mohd Ghazali menyatakan bahawa tujuan akta itu, menurut mukaddimahnya, adalah untuk...*mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya...*

Apa yang jelas adalah Akta itu diluluskan dengan tujuan mencegah dan mengawal pencemaran. Seksyen 2 AKAS 1974 memperuntukkan 'pencemaran' ertinya apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan, atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar, atau buangan-buangan hingga menjejaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu

keadaan yang berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada binatang, burung, hidupan liar, ikan atau hidupan dalam air, atau kepada tumbuh-tumbuhan atau menyebabkan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah akta ini. Kesimpulannya, pertimbangan utama bagi kesalahan pencemaran air adalah kepentingan awam.

Dalam kes *Joginder Singh vs PP*⁴⁷, Ajaib Singh H berkata:

On the question of sentence the courts invariably take certain factors into consideration the first and foremost being the public interest. Then the age of the offender, his health, his character and background, the nature of the offence and the circumstances and the manner in which the offence is committed. The courts are duty-bound to consider all these matters before deciding upon a suitable sentence. On an appeal on sentence from the subordinate courts therefore the High Court will not interfere with the sentence imposed unless it can be shown to its satisfaction that in the circumstances of the particular case the sentence was manifestly excessive or inadequate or that in fixing the sentence the subordinate court had failed to adequately consider all relevant factors either for or against the offender.

Di dalam Islam ianya dipanggil *masalah 'ammah*. Dalam menilai kekuatan pemakaian masalah, kita perlu memahami pembahagian masalah mengikut keutamaan. Imam al-Ghazzali telah melakukan ringkasan dan susunan yang lengkap dengan membahagikan masalah kepada *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Kebanyakan ulama' usul menyandarkan lima pekara dalam penjagaan *darurah*. Kepentingan-kepentingan hidup tersebut dikenali sebagai *al-Daruriyyat al-Khams*. Tertibnya bermula daripada kepentingan menjaga agama (*Hifz al-Din*), menjaga nyawa (*Hifz al-Nafs*), menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*), menjaga harta (*Hifz al-Mal*) dan menjaga akal (*Hifz al-'Aql*).

⁴⁷ [1984] 2 MLJ 133.

Kesemua lima perkara tersebut sebenarnya berkait rapat dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti air. Malah, jika diperhalusi, kepentingan menjaga alam sekitar (*Hifz al-Bi'ah*) merangkumi kesemuanya dan semua masalah di atas tidak dapat dijaga jika tidak menjaga alam sekitar.⁴⁸ Bagaimana mahu menjaga agama jika alam sebagai tempat ibadat ini tercemar? Sekiranya air sudah tercemar bagaimana untuk berwuduk dan bersuci sebelum mendirikan ibadat solat?. Bagaimana mahu menyelamatkan nyawa jika air sebagai sumber kehidupan bersisa toksik, ozon menipis yang menyebabkan pelbagai penyakit malah membawa kematian? Bagaimana mahu menjaga keturunan jika alam sudah musnah untuk diwarisi generasi akan datang dan begitulah seterusnya.

Kemudian kita juga perlu memahami klasifikasi *masalahah* dari perspektif ruang lingkup kerana isu pencemaran air ruang lingkupnya tidak terbatas dan merupakan suatu isu global. *Maslahah* dari perspektif ruang lingkup terbahagi kepada *masalahah 'ammah*, *masalahah aghlabiyyah* dan *masalahah khassah*⁴⁹. *Maslahah 'ammah* atau *kulliyyah* mencakupi kepentingan umat Islam global termasuklah isu pencemaran air kerana pencemaran air tidak mengenal sempadan negara apatah lagi air sangat penting dalam kehidupan manusia. Justeru kita dapat perhatikan bahawa terdapat pelbagai undang-undang (seperti konvensyen dan triti) berkaitan komponen alam sekitar di peringkat antarabangsa dibuat bagi menyatukan negara-negara di dunia terhadap keprihatinan terhadap alam sekitar.

Maslahah Aghlabiyyah pula melibatkan kepentingan sebahagian besar umat Islam secara global dan merangkumi *masalahah daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

⁴⁸ Hussein Muhammad (2007) "Manusia dan Tugas Kosmiknya Menurut Islam" dalam Fachruddin M. Mangunjaya (ed.) *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 3.

⁴⁹ Al-Alim, Yusuf Hamid (1988), *al-Maqasid al-'ammah lil-shari'at al-Islamiyah*. Dar al-Hadith. h.220.

Misalnya mengadakan perjanjian atau triti antarabangsa di antara negara Islam dengan negara lain yang juga terdiri daripada berbilang bangsa untuk kepentingan keselamatan dan sebagainya termasuklah isu alam sekitar. Justeru, dalam menghakimi kes-kes pencemaran air sama ada secara langsung atau tidak, penilaian global perlu diberi perhatian. Konvensyen-konvensyen antarabangsa atau polisi alam sekitar seperti polisi air perlu diikuti demi kepentingan sejagat.

Manakala *masalah khassah* atau *juz'iyah* pula adalah kebajikan individu atau segolongan kecil manusia. Maka, apabila disusun mengikut keutamaan, kita perlulah mengutamakan kepentingan umum kerana kesannya adalah lebih besar. Jika denda terhadap kesalahan pencemaran air diberikan dengan denda yang sedikit kerana memikirkan *masalah khassah* iaitu menjaga kepentingan individu atau tertuduh itu sahaja, matlamat tidak tercapai kerana itu bukannya kepentingan hakiki. Justeru kita dapati pada 1996, denda bagi melakukan pencemaran perairan daratan telah dinaikkan daripada RM 10 000 kepada RM 100 000.

Di Malaysia, terdapat satu kes yang sangat hangat dan memberi impak yang besar iaitu kes *Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor lwn Kajing Tubek & Ors*⁵⁰ yang berkaitan dengan pembinaan empangan bakun di Sarawak. Kes ini merupakan kes induk dalam mana-mana rujukan kes-kes pencemaran dan bidangkuasanya. Penghakiman kes ini mengeneipkan konsep *masalah 'ammah*. Projek ini mengeneipkan hak 10 000 penduduk Sarawak itu untuk bebas hidup dalam alam sekitar yang selamat dan terlindung dari sebarang pencemaran terutama pencemaran air. Walaupun isu ini berkaitan alam sekitar dan projek empangan sebenarnya memerlukan Laporan EIA yang diluluskan oleh JAS yang merupakan satu badan pusat. Tetapi, hakim telah menyempitkan skop alam sekitar dengan garisan

⁵⁰ [1997] 3 MLJ 23.

sempadan geografi dengan alasan bidangkuasa air dan tanah yang merupakan komponen alam sekitar terletak di bawah kuasa negeri.⁵¹ Justeru, JAS tidak boleh memainkan peranannya. Hal ini akan terus terjadi kepada negeri Sarawak dan Sabah sahaja selepas ini kerana selepas kes ini, JAS telah menggubal peruntukan bahawa kegiatan yang memerlukan laporan EIA tidak terpakai di negeri Sabah dan Sarawak kerana tertakluk kepada undang-undang negeri masing-masing. Sedangkan tujuan AKAS 1974 digubal adalah untuk melindungi alam sekitar dan menjaga kepentingan umum dan digunakan di semua negeri di Malaysia. Apa yang sedih, isu alam sekitar sepatutnya merujuk polisi antarabangsa yang lebih bersifat global dan keselamatan awam bukannya disempitkan lagi dengan menetapkan limitasi bidangkuasa yang lebih sempit.⁵²

Di Australia, terdapat kes seumpamanya iaitu *The Tasmanian Dam Case*.⁵³ Tetapi pendekatan penghakimannya lebih menekankan aspek *masalah 'ammah* dengan melihat kesan negatif pembinaan empangan itu kepada alam sekitar global. Dalam penghakimannya, Murphy J menyatakan bahawa Australia akan menjadi harmoni jika mematuhi peraturan dalam negara yang telah ditetapkan dan undang-undang antarabangsa tidak dikecualikan. Parlimen mempunyai autoriti untuk membawa Australia kepada konsep '*One World*' yang berkongsi tanggungjawab dalam memelihara warisan semulajadi. Beliau menerima pakai polisi yang ditetapkan oleh United Nation (UN) yang meminta negara-negara untuk memelihara kelestarian hutan. Keadaan ini menunjukkan keprihatinan Australia sejajar dengan keprihatinan dunia.

⁵¹ Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan.

⁵² Gurdial Singh Nijar "The Bakun Dam Case: A Critique" dalam *The Malayan Law Journal*. [1997] 3 MLJ, h. ccxli.

⁵³ *Commonwealth v Tasmania* (1983) 158 CLR 1.

Persoalannya, mengapakah Malaysia tidak menggunakan pendekatan yang sama? Sedangkan Malaysia juga menandatangani konvensyen-konvensyen antarabangsa berkaitan perlindungan alam sekitar misalnya Konvensyen Kepelbagaian Biologi.

4.4 HUKUMAN

Di dalam Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan pencemaran air daratan iaitu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu. Ini bermakna, jenis hukuman bagi kesalahan mencemarkan air daratan berbentuk *ta'zir*. Peruntukan ini adalah satu amaun siling atau denda maksimum yang dijadikan panduan kepada para hakim untuk menjatuhkan hukuman kepada pihak yang mengaku bersalah atau didapati bersalah. Tidak terdapat standard khusus untuk para hakim bagi menetapkan dan menilai kadar denda berdasarkan tahap pencemaran yang dilakukan. Semuanya adalah hak sepenuhnya oleh hakim mahkamah.

Namun, berdasarkan pengalaman dan observasi Ketua Pendakwa JAS, kadar denda yang dijatuhkan oleh mahkamah bagi kesalahan pencemaran perairan daratan bergantung kepada pertimbangan perkara-perkara berikut:

- a) **Jumlah parameter yang dilanggar.** Jumlah parameter pula merujuk kepada berapa banyak parameter yang disenaraikan dalam Jadual 8

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 yang telah dilanggar. 23 parameter kesemuanya.

- b) **Kepekatan effluen yang melebihi piawai.** Misalnya, Standard A menetapkan piawai pepejal terampai (SS) adalah 50mg, maka jika premis melepaskan sebanyak 100mg maka ianya didapati telah melebihi sekali ganda dari piawai dan jika lebih dari itu maka lebihlah kadar dendanya.⁵⁴
- c) **Jenis parameter sama ada logam berat atau bukan logam berat.** Jenis parameter yang dikategorikan sebagai logam berat memiliki risiko yang tinggi kepada kesihatan dan keselamatan awam. Pihak pendakwa perlu menjelaskan kepada mahkamah tentang implikasinya kepada kesihatan awam. Jika terdapat logam berat dalam pelepasan tersebut, kadar denda lazimnya akan tinggi berbanding pelanggaran parameter bukan logam berat seperti BOD, COD dan SS.
- d) **Pelanggaran Standard A atau B.** Standard A perlu diberi perhatian lebih kerana sungai yang dicemari merupakan sungai yang digunakan untuk membekalkan air minuman berbanding standard B untuk tujuan-tujuan lain. Standard untuk air minuman sememangnya lebih tinggi kerana ianya lebih member risiko kepada kesihatan awam. Maka sangat penting untuk memastikan di sungai mana premis tersebut melepaskan bahan buangan. Sama ada sungai yang dikategorikan dalam standard A atau standard B.
- e) **Kesalahan kali pertama.** Hakim akan menilai sama ada kesalahan yang dilakukan itu merupakan kesalahan kali pertama atau kesalahan berulang. Hakim jarang memberikan hukuman yang berat jika kesalahan yang

⁵⁴ Rosli Zul, *op. cit.*

dilakukan adalah kesalahan pertama. Oleh itu, pihak pendakwa perlu peka dan membuat kajian terlebih dahulu terhadap sesuatu premis sama ada pernah melakukan kesalahan yang sama atau tidak untuk meyakinkan hakim untuk memberatkan hukuman. Sekiranya kesalahan itu dilakukan kali pertama oleh premis yang terbabit, denda akan merujuk faktor parameter effluen sama ada jumlah parameter dilanggar, kadar piawai yang dilanggar atau jenis parameter. Kesalahan pertama biasanya hukuman sekadar memberi pengajaran dan tidak mengambilkira aspek parameter. Jika premis yang sama melakukan kesalahan yang sama untuk kali keseterusnya, denda yang dijatuhkan hendaklah lebih tinggi dan tidak boleh kurang dari denda yang pernah dijatuhkan. Bagi kesalahan berulang, denda ada kalanya sekali ganda, ada yang hanya rm500 sahaja. Modus Operandi ini menjadi panduan di mahkamah dalam menjatuhkan hukuman.

- f) **Pengakuan salah.** Bagi kes-kes yang berdasarkan pengakuan salah, jumlah denda adalah tertakluk sepenuhnya kepada budibicara hakim sama ada melihat kepada jumlah parameter yang dilanggar atau tidak.⁵⁵

Kesemua 13 kes yang dibicarakan di Mahkamah Sesyen ini telah dijatuhkan hukuman berdasarkan bahan bukti (sampel effluen yang dilepaskan oleh premis perindustrian yang melebihi piawaian) dan pengakuan salah. Bagi mengetahui sama ada jumlah denda yang dijatuhkan mempunyai keselarasan dengan jumlah effluen yang melebihi piawai yang ditetapkan, penulis merujuk jadual di bawah. Kita juga akan mengetahui kedudukan alasan mitigasi seperti pengakuan salah dalam kes-kes yang dibicarakan ini sama ada memberi kesan kepada kadar penalti yang dijatuhkan kepada tertuduh.

⁵⁵ Ibid.

Jadual 12

Kadar Penalti Berdasarkan Kandungan Effluen Yang Melebihi Had Piawai

Bil	Kes/ *Standard	Kandungan Effluen (mg/l)		Had mg/l (Standard)	Penalti
1.	PP vs Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd.	COD	820	100 (b)	RM 12 000
		BOD5	270	50 (b)	
2.	PP vs GP Autobat (M) Sdn. Bhd.	Plumbum	3.6	0.5 (b)	RM 10 000
3.	PP vs Schmidt + Clements (Asia) Sdn. Bhd.	COD	4200	100 (b)	RM 30 000
		BOD5	3800	50 (b)	
4.	PP vs Palm Oleo Sdn. Bhd.	COD	740	100 (a)	RM 25 000 @ 3 Bulan Penjara
		BOD5	260	50 (a)	
5.	PP vs SL Engineering & Iron Works.	Tembaga	4.8	1.0(b)	RM 40 000 @ 8 Bulan Penjara
		Nikel	100	1.0(b)	
		Besi	7.7	5.0 (b)	
		Boron	13	4.0(b)	
		Kromium Heksavalensi	37	0.05 (b)	
6.	PP vs Esterol Sdn. Bhd.	COD	14200	100 (b)	RM 50 000 @ 50 hari penjara
		BOD5	7300	50 (b)	
		SS	290	100 (b)	
7.	PP vs Kobakin (M) Sdn. Bhd.	COD	220	100 (b)	RM 30 000
		BOD	110	50 (b)	
		Besi	7.7	5.0 (b)	
8.	PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd.	COD	160	50 (a)	RM 60 000 @ penjara 6 bulan
		Mangganam	0.32	50 (a)	
		Besi	14	1.0 (a)	
9.	PP vs Dunham Bush Industries Sdn. Bhd	COD	250	50 (a)	RM 10 000
		BOD	40	20 (a)	
10.	PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd.	COD	1000	100 (b)	RM 25 000
		BOD5	460	50 (b)	
		SS	370	100 (b)	
11.	PP vs Classic Board Service Centre Sdn. Bhd.	COD	1100	100 (b)	RM 15 000 @ 3 bulan penjara
		SS	1500	100 (b)	
		Besi	98	5.0 (b)	
		Plumbum	3.4	0.5 (b)	
		Mangganam	1.8	1.0 (b)	

12.	PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd.	COD	1100	100 (b)	RM 8000 @ penjara 2 bulan
		SS	1500	100 (b)	
		Besi	98	5.0 (b)	
		Plumbum	3.4	0.5 (b)	
13.	PP vs L&S Cosmetics and Toiletries Sdn. Bhd.	COD	5000	50 (a)	RM 40 000 @ penjara 6 bulan
		BOD	2500	20 (a)	

Sumber: Kes-kes yang dilaporkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Berdasarkan Jadual 12 di atas, jumlah denda tertinggi yang dijatuhkan adalah RM60 000 dan paling rendah adalah RM 8 000 yang mana denda maksimum adalah RM 100 000. Sebelum pindaan akta pada 1996, denda maksimum adalah RM 10 000 sahaja. Hukuman penjara maksimum dalam seksyen 25 AKAS 1974 adalah 5 tahun penjara. Namun, hukuman penjara yang pernah dijatuhkan hanyalah sekitar 2 bulan hingga 8 bulan. Terdapat juga hukuman penjara yang dijatuhkan mengikut hari seperti dalam kes *PP vs Esterol Sdn. Bhd.*⁵⁶ iaitu 50 hari. Hukuman penjara tidak pernah dijatuhkan secara tunggal tetapi menjadi hukuman alternatif sekiranya pesalah tidak mampu membayar denda. Sebanyak 6 kes yang dijatuhkan hukuman denda sahaja dan 7 kes berbaki menerima hukuman denda dan denda alternatif iaitu penjara.

Dapat juga diketahui bahawa sememangnya tiada standard khusus dalam menetapkan kadar denda dan semuanya bergantung kepada budibicara hakim melalui penghujahan pendakwa. Namun, tidak dinafikan bahawa perkara-perkara seperti jumlah parameter yang dilanggar, kepekatan effluen yang melanggar piawai, jenis parameter sama ada logam berat atau bukan, pelanggaran standard A dan B, kesalahan kali pertama dan pengakuan salah menjadi pertimbangan utama dalam menjatuhkan hukuman.

Bagi aspek jumlah parameter yang dilanggar, prinsip umumnya semakin banyak parameter dilanggar semakin tinggi denda yang dijatuhkan. Dalam kes *PP vs*

⁵⁶ Perbicaraan Jenayah No: 63-65-2008.

Lam Seng Plastics Industries Sdn. Bhd. misalnya, denda yang dijatuhkan adalah RM 12 000 bagi pelanggaran dua parameter (BOD₅ dan COD). Manakala dalam kes *PP vs Pelangi Processing Sdn. Bhd.*, denda yang dikenakan adalah RM 25 000 bagi pelanggaran tiga parameter (BOD₅, COD dan SS). Terdapat kes yang melanggar empat parameter tetapi dendanya hanya RM8 000 atau penjara 2 bulan.⁵⁷

Terdapat juga kes yang hanya melanggar satu parameter. Namun tetap diberikan denda RM10 000. Satu contoh yang jelas adalah kes *PP lwn GP Autobot (M) Sdn. Bhd.*⁵⁸ Semasa siasatan dijalankan, sebanyak empat contoh effluen perindustrian telah diambil daripada takat pelepasan akhir SPE sebelum effluen masuk ke longkang awam. Setelah dianalisis oleh Makmal Kimia Petaling jaya, effluen itu melebihi had piawai yang ditetapkan iaitu kandungan Plumbum (Pb) yang mempunyai kepekatan 3.6 mg/l melebihi had piawai yang ditetapkan oleh 0.5 mg/l. Premis itu telah didenda RM 10 000 atau 5 tahun penjara bersandarkan kepada kandungan plumbum itu sahaja yang telahpun melebihi takat yang dibenarkan.

Bagi pendapat penulis, keputusan hakim adalah tepat. Walaupun hanya satu had parameter effluen yang dilepaskan melebihi piawaian, ianya sudah cukup kuat untuk menyebabkan kualiti air itu terjejas dan memberi impak negatif kepada kesihatan orang awam apatah lagi plumbum merupakan logam berat. Ini kerana, selain melihat jumlah parameter, jenis parameter juga dititikberatkan. Pihak pendakwa perlu menjelaskan kepada hakim tentang tahap keseriusan pencemaran air yang dilakukan.

Rasulullah S.A.W bersabda:

خلق الله الماء طهورا لا ينجسه شيء إلا ما غير طعمه أو ريحه

⁵⁷ *PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd.*

⁵⁸ Perbicaraan Jenayah No: 63-78-2008.

Maksudnya: “Allah menciptakan air itu suci menyucikan. Tidak ada apapun yang boleh menajiskan air itu kecuali ianya itu boleh mengubah rasanya atau baunya”.

Hadis di atas menggunakan lafaz *أَوْ* iaitu atau bermakna cukuplah salah satu sifat air itu berubah, maka air itu dikatakan tercemar. Maka, apabila berubah salah satu sifat sahaja maka menunjukkan kualiti air telah mula terjejas. Justeru, walaupun hanya satu sahaja parameter had effluen itu melebihi piawaian, ternyata premis itu telah menjelas kualiti air dan mencemarkannya dan boleh disabitkan kesalahan.

Berdasarkan Jadual di atas juga, ternyata semakin tinggi kepekatan effluen, ianya mempengaruhi kadar penalti. Misalnya kes *PP vs GP Autobat (M) Sdn. Bhd.* Jumlah plumbum tidak terlalu banyak dan dendanya adalah RM 10 000 berbanding dengan kes *PP vs Esterol Sdn. Bhd.* Yang mempunyai kepekatan effluen yang beratus kali ganda dan dendanya juga tinggi iaitu RM 50 000 atau penjara 50 hari atau kedua-duanya. Namun, tiada standard yang tetap. Kerana terdapat juga kes yang mana premis tersebut melepaskan kepekatan effluen yang banyak dan berpuluh kali ganda daripada had piawai hanya dikenakan denda RM 8000 atau penjara dua bulan iaitu dalam kes *PP vs Nan Yuen Food Enterprise Sdn. Bhd*⁵⁹.

Dalam kes *PP lwn NCK Aluminium Extrusion Sdn. Bhd*⁶⁰. Pihak Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan denda yang rendah sedangkan kandungan effluen adalah pekat. Denda yang diberikan tidak setimpal dan membuat pertimbangan melampau terhadap pengakuan salah tertuduh. Sedangkan tujuan akta itu digubal adalah untuk menjaha keselamatan dan kebajikan awam. Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Mohd Ghazali bersetuju bahawa kepentingan awam perlu diutamakan

⁵⁹ Perbicaraan Jenayah No: 63-2-2009.

⁶⁰ [2002] 7 CLJ.

berbanding dengan pengakuan salah tertuduh. Justeru, denda RM 5000 telah diketepikan dan diganti dengan denda RM 90 000.

Seterusnya, dalam aspek jenis parameter sama ada logam berat atau bukan logam berat turut menjadi indikator dalam menjatuhkan hukuman. Prinsip asasnya, Apabila terdapat logam berat di dalam effluen maka denda yang dikenakan lebih tinggi berbanding bukan logam berat seperti BOD₅, COD dan SS. Semakin banyak kandungan logam berat juga akan menyebabkan denda semakin tinggi kerana semakin tinggi risikonya terhadap kesihatan awam. Dalam kes *PP vs Dunham Bush Industries Sdn. Bhd.*⁶¹ misalnya, denda yang dijatuhkan hanya RM 10 000 bagi kandungan bukan logam berat manakala di dalam kes *PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn. Bhd.*⁶², denda yang dijatuhkan mencecah RM60 000 atau penjara 6 bulan kerana kandungan effluen mengandungi logam berat seperti Mangganam dan Besi. Namun, tetap terdapat kes yang mana effluennya tidak mengandungi logam berat tetapi dendanya mencecah RM50 000 atau penjara 50 hari iaitu kes *PP vs Esterol Sdn. Bhd.* dan terdapat juga kes yang mengandungi logam berat yang banyak (Besi, Plumbum dan Mangganam) tetapi dendanya hanya RM 15 000 atau penjara 3 bulan iaitu di dalam kes *PP vs Classic Board Service Centre Sdn. Bhd.*⁶³

Secara prinsipnya, pelepasan effluen ke perairan daratan yang dikategorikan sebagai standard A akan dikenakan hukuman yang lebih berat berbanding standard B. Hal ini kerana standard A melibatkan pengambilan air minuman. Standard yang lebih tinggi ditetapkan dalam standard A berbanding B kerana penggunaannya berbeza dan implikasinya juga berbeza. Standard A yang melibatkan air minuman perlu kepada standard yang lebih tinggi kerana ianya berkait rapat dengan kesihatan awam dan tertakluk kepada kualiti air minuman. Hal ini dibuktikan di dalam kes *PP vs L&S*

⁶¹ Perbicaraan Jenayah No: 63-88-2006.

⁶² Perbicaraan Jenayah No: 63-1-2009.

⁶³ Perbicaraan Jenayah No: 63-134-2007.

*Cosmetics and Toiletries Sdn. Bhd.*⁶⁴ yang mana premis ini telah melepaskan effluen ke perairan daratan dalam standard A dan dikenakan denda RM 40 000 atau denda penjara 6 bulan walaupun hanya melanggar parameter bukan logam berat (BOD dan COD) sahaja apatah lagi jika didapati logam berat dilepaskan ke perairan standard A ini seperti dalam kes *PP vs First Elastic Corporation (M) Sdn.* yang mana dendanya mencecah RM60 000 atau penjara 6 bulan yang merupakan hukuman tertinggi dalam kesemua kes yang dikaji.

Ternyata, perkara-perkara di atas secara langsungnya mempengaruhi amaun hukuman yang dijatuhkan. Kesemua aspek di atas dinilai secara komprehensif. Semakin bahaya effluen kepada masyarakat terutamanya kepada kesihatan mereka maka semakin tinggi denda yang dikenakan. Namun, semuanya tertakluk kepada kebijaksanaan hakim dalam menjatuhkan hukuman yang setimpal dan rasional dengan kesalahan yang dilakukan. Fakta kes yang lain turut menyumbang kepada penetapan kadar penalti seperti berkaitan lesen dan sistem pengolahan effluen. Pertimbangan denda ini juga dibuat berdasarkan alasan mitigasi pihak tertuduh. Namun, kesemua 13 kes di atas dijatuhkan hukuman setelah pemilik premis membuat pengakuan salah. Hakim mahkamah sesyen sepatutnya mengambil berat tentang perkara ini. Dalam menjatuhkan hukuman berkaitan pencemaran air atau pencemaran alam sekitar yang lainnya, pihak hakim tidak boleh begitu termakan dengan alasan mitigasi pihak tertuduh. Alasan-alasan mitigasi seperti “kesalahan kali pertama”, “pengakuan salah” dan “penyesalan” tidak boleh diberi pertimbangan melampau. Hal ini kerana kes-kes pencemaran air merupakan perkara yang membabitkan kepentingan umum dan kesannya kepada masyarakat. Selain memberikan denda yang tinggi, dicadangkan juga hukuman penjara dijatuhkan kepada tertuduh secara tunggal tanpa alternatif denda.

⁶⁴ Perbicaraan Jenayah No: 63-95-2008.

4.5 KESIMPULAN

JAS memainkan peranan penting dalam mengawal kualiti air dan pencemaran air dari punca tetap. Kawalan air melalui strategi penguatkuasaan yang sistematik dan efisien sangat penting dalam memastikan kualiti air dapat dikawal dengan baik agar tahap kesihatan masyarakat awam tidak terjejas malah dari sudut ekonominya juga dijamin melalui kos-kos rawatan air. Dalam memastikan pendekatan *amar ma'ruf nahi munkar* dilaksanakan melalui konsep *hisbah*, pihak penguatkuasa atau *muhtasib* perlu efisien dan mempunyai pengetahuan undang-undang yang mencukupi supaya penguatkuasaan yang dijalankan berjalan dengan lancar. Bahan-bahan bukti melalui sampel effluen dan gambar-gambar pelepasan effluen ke perairan daratan perlu dikemukakan dengan lengkap bagi memastikan kes mencapai tahap *prima facie* kerana Rasulullah juga bersabda bahawa pihak yang mendakwa perlu mengemukakan keterangan sama ada keterangan melalui saksi atau dokumentar. Oleh kerana peruntukan ini merupakan peruntukan lama, maka pembuktiannya lebih mudah untuk dilakukan berdasarkan pengalaman. Apatah lagi pesalah bagi kesalahan ini cenderung untuk mengaku salah sepertimana yang berlaku dalam kesemua kes yang dianalisis.

Standard kualiti air JAS yang merujuk kepada Indeks Kualiti Air (IKA) didapati selaras dengan standard kualiti air dalam perundangan Islam. Walaupun di dalam perundangan Islam hanya memperuntukkan parameter fizik dalam mengawal kualiti air seperti bau, rasa, warna dan suhu tetapi kesemuanya parameter ini masih diterimapakai sehingga sekarang. Kita tidak boleh membuat perbandingan secara langsung kerana perlu difahami bahawa parameter yang ditetapkan di dalam perundangan Islam telah ditetapkan sejak zaman Rasulullah kerana parameter ini berdasarkan hadisnya. Namun, apa yang ingin ditekankan adalah nilai dan prinsip kualiti air di dalam perundangan Islam masih relevan sehingga ke hari ini. Namun, jika diperhalusi lagi, standard kualiti

air dalam perundangan Islam jauh lebih tinggi kerana karektor air terbersih iaitu air *mutlaq* memiliki dua elemen iaitu suci dan menyucikan (*tahur*). Tetapi, air kelas I menurut IKA karektornya cukup sekadar memiliki elemen suci tetapi tidak menyucikan (*tahir*). Selain parameter bau, rasa, warna dan suhu, kualiti air dalam Islam juga dipengaruhi oleh empat aspek lain seperti aspek kuantiti air, aspek kandungan air, aspek situasi air dan aspek penggunaan air.

Dalam menjatuhkan hukuman pencemaran air, prinsip yang digunapakai adalah prinsip *maslahah 'ammah* melalui pendekatan *fiqh aulawiyyat* yang memberi prioriti kepada kepentingan umum seperti aspek kesihatan masyarakat awam berbanding kepentingan individu. Dalam kes-kes yang dianalisis, dapatlah difahami bahawa, prinsip *maslahah 'ammah* diterimapakai dalam memutuskan kesemua kes berkaitan pencemaran air. Hal ini kerana pencemaran air sangat memberi impak negatif kepada kesihatan masyarakat awam. Hakim tidak boleh terlalu memberikan budibicaranya terhadap mitigasi pesalah melalui pengakuan salahnya. Di sini, pendekatan *maslahah 'ammah* (kesihatan masyarakat umum) diutamakan berbanding *maslahah khassah* (pengakuan salah pesalah) diaplikasikan oleh hakim dalam memberikan alasan penghakimannya. Pendekatan maksim perundangan Islam berkaitan *darar* juga boleh diaplikasi dalam memutuskan kes seperti *الضرر يزال* dan juga selainnya seperti *المتعادي*

.أفضل من القاصر

Hukuman bagi kesalahan pencemaran air daratan di Malaysia berbentuk *ta'zir* iaitu denda maksimum RM 100 000 dan penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya dengan denda tambahan RM 1000. Hukuman yang dijatuhkan tidak mempunyai standard khusus dan ianya terletak sepenuhnya pada kuasa hakim sepenuhnya. Jumlah denda maksimum di dalam seksyen 25 AKAS 1974 merupakan satu standard siling

yang dijadikan panduan hakim dalam menjatuhkan hukuman. Namun, berdasarkan pengalaman ketua pendakwa JAS Negeri Selangor dan observasinya, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi amaun hukuman yang dikenakan. Faktor-faktornya adalah berkaitan parameter itu sendiri yang diperuntukkan dalam Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 seperti jumlah parameter yang dilanggar, kadar kepekatan effluen yang melebihi piawai yang ditetapkan, jenis parameter yang dilanggar sama ada logam berat atau bukan logam berat dan pelepasan effluen sama ada dalam standard A atau B.

Antara faktor lain yang dipertimbangkan seperti kesalahan kali pertama dan pengakuan salah. Semakin banyak parameter dilanggar, semakin tinggi hukuman diberikan, semakin pekat effluen melebihi piawai yang ditetapkan semakin tinggi hukuman yang dikenakan, semakin bahaya effluen dilepaskan seperti logam berat semakin tinggi hukuman dijatuhkan. Rumusannya, semakin bahaya pelepasan effluen kepada kesihatan masyarakat awam semakin tinggi hukuman yang dijatuhkan.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa kawalan kualiti air JAS sememangnya menepati standard yang ditetapkan di dalam perundangan Islam malah didapati IKA-JAS jauh lebih terperinci bagi menjamin kesihatan masyarakat awam. Namun, mengapakah pencemaran air terus meningkat? Adakah AKAS 1974 dan JAS tidak efektif? Hal ini kerana JAS hanya mengawal pencemaran dari punca tetap sedangkan sebahagian besar lagi pencemaran berpunca dari punca tidak tetap. Umumnya, JAS menjalankan tugasnya dengan baik dalam mengawal kualiti air dan pencemaran air namun, kelemahan-kelemahan teknikal pihak penguatkuasa dan pendakwa perlu ditangani segera. Seksyen 25 AKAS 1974 juga didapati sudah mencukupi untuk mengawal pencemaran perairan daratan.

Oleh yang demikian, penglibatan masyarakat dalam sama-sama menjaga alam sekitar seperti air perlu dipertingkatkan. Di dalam undang-undang air antarabangsa juga kini menekankan aspek *community-based water law* yang menekankan hubungan timbal-balik antara komuniti dan perundangan. Pendekatan yang sama telah lama diajarkan di dalam perundangan Islam yang mana ianya menekankan aspek sosial seperti pembentukan etika alam sekitar dan penerapan nilai-nilai estetikanya.

Falsafah perundangan Islam juga yang menekankan konsep *amanah*, *khalifah*, *'ubudiyyah* dan *fitrah* sangat penting ditekankan dalam setiap individu agar merasa bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan air kerana ianya merupakan amanah dari Allah dan kita sebagai khalifah dimuka bumi ini perlu memikul amanah tersebut dan melaksanakannya sebaik mungkin kerana setiap tindakan kita akan dihitung dan dipersoalkan di hari kemudian. Manusia sebagai khalifah perlu menjaga kesucian air yang penting untuk menunaikan ibadat untuk menyucikan diri, pakaian dan sekeliling sebelum menunaikan ibadat kepadaNya seperti mendirikan solat. Manusia sebagai ciptaan terhebat Allah perlulah menjaga air yang seolah-olah ciptaan Allah yang kedua hebat agar tidak dicemari kerana secara fitrahnya manusia sentiasa cintakan kebersihan dan kesucian.